

# Kempen Derma Darah Hari Guru 2021 Peringkat W.P Labuan Dapat Sambutan



**Labuan, 20 Mac :** Program Kempen Derma Darah sempena sambutan Hari Guru 2020 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Kempen Derma Darah ini merupakan antara program-program anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan sempena sambutan Hari Guru peringkat negeri tahun 2021.

Program ini merupakan inisiatif untuk membantu menambahkan tabung darah di Hospital Labuan demi rawatan pesakit dan juga kes-kes kecemasan. Kempen derma darah ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberi peluang kepada semua guru serta orang awam untuk menunaikan tanggungjawab kemasyarakatan. Selain, memupuk sifat penyayang dan sedia membantu tanpa mengira bangsa dan agama.

SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) merupakan sekolah zon pengelola, telah berjaya menambah tabung darah Hospital

Labuan sebanyak 44 paket darah.



Antara guru yang telah memberikan sumbangan bakti dalam Kempen Derma Darah Sambutan Hari Guru 2021 W.P Labuan



Guru-guru menunggu giliran untuk menyumbang darah Pengetua SMKTPB selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sambutan Hari Guru 2021, Encik Ag. Rozlan bin Manan

merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan program khidmat masyarakat melalui kempen derma darah.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Hospital Labuan kerana bersama-sama merealisasikan program kemasyarakatan ini.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua penderma darah yang telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Beliau juga bersyukur kerana program yang dirancang berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya.

Penderma boleh menderma darah sekiranya tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan. Sijil penghargaan dan hamper telah diberikan kepada penderma darah yang mendaftar terlebih dahulu sebagai penderma darah.

Walaupun dalam situasi negara menghadapi pandemik Covid-19, program derma darah ini merupakan landasan terbaik untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya dalam kalangan guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan untuk menderma darah ekoran stok bekalan darah yang semakin susut bekalannya.

Malahan, program ini juga dapat membuka mata warga guru bahawa betapa pentingnya 1 paket darah dapat menyelamatkan nyawa seseorang.

Kempen derma darah diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pihak pengurusan Hospital Labuan oleh Sekolah Zon Pengelola Sambutan Hari Guru Peringkat WP Labuan Tahun 2021 bagi pihak Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Turut hadir bersama dalam program ini ialah Pn. Chai Yee San (Pen. Kanan Pentadbiran) selaku setiausaha JK Pengelola Sambutan Hari Guru, Pn. Lau Chin Ying (Pen.

Kanan Kokurikulum), guru-guru kanan bidang serta AJK yang terdiri daripada guru-guru SMKTPB.

**Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun**



Tiga orang penderma darah yang terawal hadir menerima sijil dan hadiah daripada En. Awang Rozlan



Antara guru yang menerima sijil penghargaan kerana mendaftar awal sebagai penderma darah.



En. Ag Rozlan menyampaikan sijil penghargaan atas jalinan mengadakan program kepada pihak Hospital Labuan



Setinggi-tinggi tahniah Encik Ag Rozlan bersama barisan guru SMKTPB yang bertugas sebagai AJK.